



SMK SEKSYEN 4 BANDAR KINRARA

Jalan Kinrara 5A, Bandar Kinrara,
47180 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-80757273 / Faks : 80757315

Rujukan kami : Bil (2) SMKS4BK/06/01/06
Tarikh : 01 April 2011
27 Rabiul Akhir 1432

Kepada,
Semua Ibu bapa/Penjaga yang dihormati.

Tuan/Puan,

MAKLUMAN AKTIVITI BULAN APRIL HINGGA JUN 2011

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. DAY CAMP PANDU PUTERI

Perkemahan sehari Unit Beruniform Pandu Puteri telah dijalankan pada 2 April 2011 (Sabtu). Tujuan utama adalah untuk mengembangkan bakat kepimpinan dalam kalangan ahli dan sekaligus memupuk semangat kerja berpasukan bagi membina nilai setia kawan yang tinggi.

3. PROGRAM PENCEGAHAN JENAYAH

Program anjuran Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah bertujuan untuk memberi kesedaran diri dan membina jati diri pelajar agar dapat menghidupkan persekitaran positif untuk proses pembelajaran dan pengajaran berkesan tanpa kes jenayah. Program ini akan dijalankan pada 14 April 2011 (Khamis).

4. PERSEKOLAHAN GANTI

Hari persekolahan ganti bagi bulan April hingga Jun adalah seperti dalam jadual berikut:

Bil	Tarikh	Perkara	Jadual Waktu	Waktu sekolah
1	09.04.2011 (Sabtu)	Mengganti cuti Deepavali pada 24.10.2011	Hari Isnin	7.25 am hingga 12.30pm (sesi pagi) 12.30 pm hingga 5.35 pm (sesi petang)
2	23.04.2011 (Sabtu)	Mengganti cuti Deepavali pada 27.10.2011	Hari Khamis	7.25 am hingga 1.05pm (sesi pagi) 1.10 pm hingga 6.45 pm (sesi petang)
3	07.05.2011 (Sabtu)	Mengganti cuti Deepavali Pada 28.10.2011	Hari Jumaat	7.25 am hingga 12.30 pm (sesi pagi) 12.30 pm hingga 4.55 pm (sesi petang)

5. MAJLIS PERJUMPAAN IBU-BAPA PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN 3

Satu Majlis khas Perjumpaan Ibu Bapa Pelajar-Pelajar Tingkatan Tiga dijadualkan berlangsung pada 9 April 2011 (Sabtu) bertempat di Bilik Muzik. Semua ibu bapa pelajar-pelajar Tingkatan Tiga tahun 2011 dialu-alukan ke Majlis ini agar maklumat yang akan disampaikan sedikit sebanyak dapat membantu tuan/puan dalam membuat persediaan demi kebaikan anak masing-masing.

6. PERKHEMAHAN UNIT BERUNIFORM

Perkemahan Unit Beruniform telah dijadualkan pada 8 April 2011 hingga 10 April 2011 bertempat di Taman Negara Pantai Kerachut Pulau Pinang. Seramai 78 orang pelajar Unit beruniform bersama 8 orang guru pengiring akan menjalani aktiviti perkhemahan bagi tujuan memupuk semangat bekerjasama dan menyemai nilai cintakan alam sekitar.

7. MINGGU KERJAYA

Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah akan mengadakan Minggu Kerjaya mulai Isnin 18 April 2011. Pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 akan didedahkan kepada peluang-peluang pilihan kemasukan ke IPTA dan IPTS yang ditawarkan selepas SPM.

8. CUTI HARI PEKERJA

Cuti ganti Hari Pekerja pada hari Isnin 2 Mei 2011.

9. **PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN**

Peperiksaan Pertengahan Tahun akan bermula pada 9 Mei 2011 bagi pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Pelajar-pelajar Tingkatan 1 hingga 3 akan memulakan peperiksaan pada 19 Mei 2011 manakala kelas Peralihan akan bermula pada 23 Mei 2011. Jadual peperiksaan akan diedarkan kepada pelajar-pelajar pada 18 April 2011.

10. **CUTI HARI WESAK**

Sekolah akan bercuti pada 17 Mei 2011 (Selasa) sempena Perayaan Hari Wesak.

11. **SAMBUTAN HARI GURU PERINGKAT SEKOLAH**

Sambutan Hari Guru Peringkat Sekolah akan disambut pada 27 Mei 2011. Pelajar-pelajar digalakkan menghargai jasa guru dengan menghadirkan diri ke sekolah dan bersama-sama menyambut Hari Guru dengan meriah.

12. **CUTI PERTENGAHAN TAHUN**

Pelajar-pelajar akan bercuti mulai 28 Mei 2011 hingga 12 Jun 2011. Pelajar-pelajar akan bersekolah semula pada 13 Jun 2011. Warga Sekolah mengucapkan "Selamat Bercuti" kepada semua pelajar dan guru SMK Seksyen 4 Bandar Kinrara.

13. **KEM KEPIMPINAN PRS**

Kem Kepimpinan PRS akan dijalankan pada 27 Mei 2011 hingga 29 Mei 2011 dibawah anjuran Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah.

14. **UJIAN ULBS DAN PLBS**

Pelajar-pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 akan menjalani Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) bagi subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan 5 akan menjalani Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS) untuk subjek yang sama.

15. **BENGKEL TAHSIN SOLAT**

Bengkel Tahsin Solat bagi pelajar-pelajar Islam akan diadakan pada 18 Jun 2011 (Sabtu).

16. **MINGGU TEKNIK DAN VOKASIONAL**

Perasmian Minggu Teknik dan Vokasional akan dijalankan pada 20 Jun 2011 (Isnin). Pelajar-pelajar digalakkan melibat diri dalam semua aktiviti yang dirancang oleh Panitia tersebut.

17. **RAPTAI SUKAN**

Raptai sukan akan dijalankan pada 22 Jun 2011 (Rabu) dan 23 Jun 2011 (Khamis).

18. **KEJOHANAN SUKAN SEKOLAH**

Kejohanan Sukan Sekolah tahun 2011 akan diadakan pada 26 Jun 2011 (Ahad). Ibu bapa dijemput hadir bagi memeriahkan lagi kejohanan ini.

19. **CUTI PERISTIWA**

Sekolah akan bercuti pada 27 Jun 2011 sempena Kejohanan Sukan Sekolah. Pelajar-pelajar akan bersekolah semula pada 28 Jun 2011 (Selasa).

20. **HARI KOPERASI SEKOLAH**

Hari Koperasi Sekolah akan dilangsungkan pada 28 Jun 2011 (Selasa)

21. **HARI TERBUKA**

Ibu bapa/penjaga dijemput hadir ke sekolah untuk mengambil Laporan Prestasi Akademik anak masing-masing pada 1 Julai 2011 (Jumaat) mulai jam 8.30 pagi. Surat siaran sekolah akan diedarkan melalui pelajar-pelajar.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


Saya yang menurut perintah,

.....

Kek Lee Beng

Pengetua,

SMK Seksyen 4 Bandar Kinrara.



SEK. MEN. KEB. SEKSYEN 4 BANDAR KINRARA

Jalan Kinrara 5A, Bandar Kinrara,
47180 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-80757273 / Faks : 80757315

"1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Rujukan kami : Bil (4) SMKS4BK/06/01/06
Tarikh : 09 April 2010
24 Rabiulakhir 1431

Kepada,
Semua Ibu bapa/Penjaga yang dihormati.

Tuan/Puan,

MAKLUMAN CUTI PERISTIWA SEKOLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sekolah akan mengadakan sambutan Hari Anugerah Cemerlang pada 18 April 2010 (Ahad). Sehubungan itu sekolah telah memohon cuti peristiwa pada 19 April 2010 (Isnin).
3. Bersama ini disertakan surat kelulusan permohonan cuti tersebut daripada Pejabat Pelajaran Daerah Petaling Perdana. Pelajar-pelajar SMK Seksyen 4 Bandar Kinrara akan bercuti pada 19 April 2010 (Isnin).
4. Kerjasama tuan/puan dalam menguruskan hal pengangkutan anak-anak jagaan masing-masing amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

.....
Kek Lee Beng
Pengetua,
SMK Seksyen 4 Bandar Kinrara